

No. Sebutharga : 5/2022

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN
MAJLIS DAERAH BATU GAJAH**

Kementerian atau Jabatan
Majlis Daerah Batu Gajah
Jalan Haji Abdul Wahab,
31000 Batu Gajah , Perak


1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan
1.	Kenderaan Proton Wira 1.6 XLI (A)	ADP 3624	1	RM 100.00

2. Aset boleh dilihat pada 12.01.2022 di antara jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari di Tempat Letak Kereta , Majlis Daerah Batu Gajah. (Berkumpul di Lobi MDBG)
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga 5/2022 dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

Majlis Daerah Batu Gajah,
Jalan Haji Abdul Wahab,
31000 Batu Gajah,
Perak.

5. Tarikh tutup sebut harga pada 19.01.2022 jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.


(Tandatangan Ketua Jabatan)

MOHAMAD RAZIF BIN RAMLI, AMP
YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH BATU GAJAH
Alamat:

Tarikh: 10 JAN 2022

Cap:



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **Majlis Daerah Batu Gajah**.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.